

WACANA PERBUALAN BAHASA TABU DALAM KALANGAN PENGGUNA MEDIA SOSIAL TWITTER @ X BERDASARKAN CIAPAN TERPILIH BERKAITAN DENGAN DIMENSI SOSIAL

NUR ASHIKIN SYAHIRAH ZAMRI DAN AZEAN IDRUVANI IDRUS*

Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pagoh Edu Hub, 84600 Pagoh, Muar, Johor Darul Takzim, Malaysia.

*Corresponding author: azeanidruwaniidrus@iium.edu.my

<http://doi.org/10.46754/jbsd.2024.09.005>

Received: 14 March 2024

Accepted: 8 July 2024

Published: 15 September 2024

Abstrak: Dimensi sosial berperanan menyampaikan maklumat sosial dalam proses komunikasi. Data kajian terdiri daripada ciapan terpilih dalam media sosial Twitter @ X yang menggunakan bahasa tabu. Penggunaan bahasa tabu kini didapati semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat. Fenomena ini telah dilakukan tanpa segan silu secara terbuka ketika berkomunikasi antara satu sama lain. Bahasa tabu yang bersifat negatif, lucu, tidak senonoh serta tidak elok untuk didengari difokuskan dalam kajian ini. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penggunaan bahasa tabu oleh pengguna di Twitter @ X. Kajian ini turut mengaplikasikan Dimensi Sosial Holmes dan Wilson (2017), iaitu jarak sosial, status sosial, tahap keformalan dan fungsian sebagai panduan dalam memperoleh dapatan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dan dianalisis mengikut kaedah penganalisaan teks. Dapatkan kajian mendapati bahawa empat dimensi sosial oleh Holmes dan Wilson (2017), iaitu sosial, status sosial, tahap keformalan dan fungsian digunakan dalam kalangan pengguna Twitter @ X. Dapatkan juga mendapati bahawa ciapan turut mengandungi unsur kemarahan serta didorong oleh emosi yang menjurus kepada penggunaan bahasa tabu. Selain itu, faktor keakraban serta jenaka turut mendorong pengguna Twitter @ X mengaplikasikan kata tabu dalam ciapannya. Kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada pengguna Twitter @ X agar cakna ketika menggunakan bahasa yang bertepatan dengan norma dan budaya khususnya dalam media sosial.

Kata kunci: Wacana perbualan, bahasa tabu, Twitter @ X, media sosial, dimensi sosial.

DISCOURSE OF TABOO LANGUAGE CONVERSATION AMONG TWITTER @ X SOCIAL MEDIA USERS BASED ON SELECTED EXPERIENCES RELATED TO THE SOCIAL DIMENSION

Abstract: The social dimension plays a crucial role in conveying social information during communication. This research is based on selected Twitter tweets from the social media platform, specifically from the account @ X, that contain taboo language. The use of taboo language is increasingly common in the community and is shamelessly used in communication. This study focuses on analysing the use of taboo language, including negative, obscene, indecent, and unpleasant language, by users on Twitter @ X. The research also applies the Social Dimensions framework by Holmes and Wilson (2017), which includes social distance, social status, level of formality, and functionality, as a guide for obtaining research findings. The study uses a descriptive qualitative method and analyses the data using text analysis. The findings reveal that the four social dimensions identified by Holmes and Wilson (2017) - social distance, social status, level of formality, and functionality - are observed among Twitter users @ X. Additionally, the study finds that the tweets also contain elements of anger and are driven by emotions, leading to the use of taboo expressions. Furthermore, familiarity and humor also influence Twitter users @ X to use taboo language in their

comments. This study aims to serve as a guide for Twitter @ X users to be mindful of their language use and to align it with social norms and cultural expectations, especially on social media.

Keywords: *Conversational discourse, taboo language, Twitter @ X, social media, social dimension.*

Pendahuluan

Dalam kehidupan seharian, manusia akan berbual antara satu sama lain sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Bahasa memainkan peranan dalam perbualan bukan sahaja sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai kegiatan yang bermakna, dan menjadi sistem lambang yang dihasilkan oleh manusia (Asmah, 2011). Wacana perbualan merupakan satu proses interaksi untuk menyampaikan maklumat, mengekspresikan perasaan, bertukar idea, berkongsi buah fikiran dan sebagainya. Proses interaksi ini melibatkan sesama individu atau individu dengan sekumpulan yang besar. Dalam pada itu, era globalisasi yang kian maju menyebabkan berlakunya perubahan dari aspek kaedah komunikasi. Kemajuan dalam teknologi maklumat telah memudahkan masyarakat untuk melakukan interaksi di alam maya dengan hanya di hujung jari. Secara tidak langsung, ini telah mengalah medium perhubungan menggunakan platform media sosial seperti Twitter @ X, Facebook, Instagram, Telegram dan sebagainya. Melalui media sosial, pengguna dapat mewakili diri mereka dan berinteraksi, bekerjasama, berkongsi, berkomunikasi dengan pengguna lain untuk membentuk ikatan sosial maya (K.N. Widyatnyana, I.W. Rasna & I.B. Putrayasa, 2023). Kewujudan media sosial kini juga dianggap relevan untuk dijadikan alat interaksi bagi generasi muda (Shahrul Nazmi Sannusi, Fauziah Ibrahim, Azianura Hanni Shaari & Nasrudin Subhi, 2019). Melalui penggunaan media sosial ini, secara tidak langsung telah mempengaruhi penggunaan pelbagai variasi bahasa, khususnya bahasa tabu. Tabu dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang dilarang, pantang larang, pemali; iaitu yang terlarang, yang diharapkan atau ditegah (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2021). Bahasa tabu merupakan perkataan yang terbatas hasil daripada larangan sosial atau keagamaan (Theresia Ria Anjani Kurniawati & Tofan Dwi Hardjanto, 2019). Larangan yang dimaksudkan merangkumi aspek bahasa, tingkah laku, amalan, pakaian dan sebagainya. Oleh itu, penggunaan bahasa tabu turut dilarang penggunaannya kerana mempunyai unsur yang negatif, dianggap lucuh, kotor, tidak senonoh dan kurang sopan.

Kewujudan bahasa tabu tidak dapat dinafikan lagi telah wujud sejak zaman dahulu. Penggunaan bahasa tabu semakin kerap diaplikasikan oleh pengguna media sosial termasuk Twitter @ X. Penggunaan bahasa tabu juga didapati telah menjadi satu norma dalam kalangan pengguna bahasa (Amir Ahmad Jafari Baravati & Samaneh Rangriz, 2019). Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan bahasa tabu telah dijadikan sebagai satu kebiasaan terutamanya ketika melepaskan kemarahan, ketidakpuasan hati dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneliti penggunaan bahasa tabu yang diaplikasikan oleh pengguna Twitter @ X ketika menghantar ciapan mereka.

Pernyataan Masalah

Secara umumnya, tabu merupakan satu perkara yang negatif, tidak sopan, ditegah atau pantang larang yang tidak elok untuk dilakukan oleh masyarakat. Contohnya, anak dara tidak boleh bernyanyi di dapur atau memanggil tikus dengan panggilan "Cik Siti". Namun dari aspek bahasa pula, tabu dikaitkan dengan perkataan yang tidak manis, lucuh dan tidak sopan untuk diungkapkan

seperti perkataan "bodoh", "sial", "bangang" dan sebagainya. Ledakan teknologi membawa kepada kemunculan media sosial seperti Twitter @ X yang membolehkan pengguna menggunakan bahasa tanpa tapisan. Kebebasan yang diperoleh ini menyebabkan pengguna media sosial tidak menghiraukan kehalusan dan kesopanan ketika bertutur apakah lagi ketika melepaskan kemarahan, bergurau dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa pengguna tidak mementingkan kehalusan dan kesopanan ketika bertutur apakah lagi ketika mengalami emosi-emosi tertentu. Perkataan tabu sering digunakan dalam interaksi sosial yang berfungsi untuk menyampaikan fikiran, maklumat dan meluahkan perasaan (Salsabila Rahmania & Aris Munandar, 2021). Hal ini dikatakan demikian kerana, pemilihan bahasa tabu merupakan cara yang paling berkesan untuk memberikan impak yang besar namun negatif berbanding dengan bahasa lain. Menurut Anggana Raras Salsabil Suha dan Emy Sudarwati (2021), kemarahan dan kekecewaan merupakan dua emosi yang wujud dalam jiwa setiap manusia sehingga mendorong penggunaan bahasa tabu ketika mengekspresikan perasaan.

Lantaran itu, pengguna media sosial, khususnya Twitter @ X telah mengaplikasikannya tanpa perasaan segan silu kerana menganggap mereka mempunyai hak kebebasan bersuara di media sosial. Mereka dapat meluahkan pelbagai perkara yang mengganggu fikiran masing-masing dengan sesuka hati. Namun begitu, perkara ini dapat memberikan kesan yang buruk dalam masyarakat. Menurut Nadhifa Indana Zulfa Rahman (2019), tabu ialah sebahagian daripada pantang larang dalam masyarakat tertentu, malah sekiranya mereka mengamalkannya akan wujud risiko yang perlu ditanggung. Penggunaan bahasa tabu yang semakin meluas dapat mengakibatkan nilai kesantunan dalam diri masyarakat menjadi kian terhakis. Secara tidak langsung, ini akan melahirkan generasi yang tidak menghormati antara satu sama lain melalui tutur bicara mereka. Tuntasnya, perkara ini melahirkan generasi yang lebih ganas dan agresif dari aspek pertuturan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menganalisis penggunaan bahasa tabu dalam kalangan pengguna media sosial Twitter @ X.

Metodologi

Langkah demi langkah bagi menganalisis data berdasarkan kerangka kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kata tabu

Pengkaji mengekstrak dan mengumpulkan kata tabu yang terdapat dalam ciapan media sosial Twitter @ X. Pemilihan media sosial Twitter @ X mengambil kira bahawa aplikasi tersebut memaparkan perkongsian maklumat berkaitan dengan isu terkini secara pantas di samping paparan pesanan teks pendek kepada pengguna dan dibawakan elemen mikroblog padanya.

2. Kata tabu dikelaskan mengikut dimensi sosial

Kata tabu kemudian dikumpulkan dan seterusnya dikelaskan mengikut dimensi sosial. Empat dimensi sosial oleh Holmes dan Wilson (2017), iaitu jarak sosial, status sosial, tahap keformalan dan fungsian dimanfaatkan dalam analisis data pada peringkat ini.

Kerangka Teori

Dimensi Sosial oleh Holmes dan Wilson (2017) berkisarkan cara atau faktor yang mempengaruhi manusia dalam pembentukan hubungan ketika berinteraksi dengan masyarakat.

Pengklasifikasi dimensi sosial oleh Holmes dan Wilson (2017) meliputi skop yang meluas, iaitu terdiri daripada jarak sosial, status sosial, tahap keformalan dan fungsian seperti dalam Rajah 1 di bawah:

JARAK SOSIAL

- Jarak atau keakraban sesebuah hubungan antara peserta mempengaruhi pemilihan kata ketika berkomunikasi

STATUS SOSIAL

- Pengaplikasian suatu perkataan dalam pertuturan bergantung kepada darjat atau status individu

TAHAP KEFORMALAN

- Pemilihan bahasa untuk berkomunikasi dipengaruhi oleh latar tempat seperti formal atau tidak formal.

FUNGSIAN

- Suatu komunikasi dijalankan mempunyai tujuan tertentu seperti menyampaikan maklumat atau mengekspresikan emosi

Rajah 1: Dimensi sosial Holmes dan Wilson (2017)

Jarak Sosial

Dalam dimensi jarak sosial, tahap keakraban mempengaruhi pemilihan bahasa yang digunakan. Jarak hubungan antara peserta yang terlibat dalam komunikasi turut mempengaruhi kod pemilihan bahasa seseorang. Jarak sosial akan diambil kira oleh seseorang peserta komunikasi sebelum menggunakan sesuatu kod bahasa sama ada dalam pertuturan mahupun penulisan.

Status Sosial

Dimensi status sosial merujuk status atau darjat seseorang dalam mempengaruhi pemilihan bahasanya sewaktu berkomunikasi. Dalam dimensi ini, seseorang itu akan menggunakan tahap bahasa yang berlainan bergantung pada status sosialnya.

Tahap Keformalan

Pemilihan bahasa seseorang turut dipengaruhi oleh latar tempat sama ada formal dan tidak formal yang merupakan dimensi tahap keformalan. Seseorang akan cenderung menggunakan bahasa baku dan standard dalam konteks formal seperti situasi di pejabat. Sebaliknya, seseorang itu cenderung menggunakan bahasa pasar dalam konteks tidak formal seperti situasi di rumah.

Fungsian

Dimensi fungsian merujuk hala tuju atau tujuan sesebuah interaksi. Terdapat dua dimensi fungsian yang diketengahkan oleh Holmes dan Wilson (2017), iaitu rujukan dan afektif. Fungsi rujukan merujuk pemberitahuan maklumat sesuatu, manakala fungsi afektif merupakan tindakan menzahirkan emosi seseorang. Dimensi fungsian sama ada rujukan dan afektif perlu diambil kira dalam pemilihan kod bahasa seseorang.

Analisis dan Perbincangan

Bahasa tabu lebih sinonim dengan budaya barat yang tidak mengendahkan kesantunan dan kesopanan ketika berbahasa. Kewujudan teknologi yang semakin berkembang bukan sahaja mendedahkan pengguna dengan budaya barat yang terpancar di media sosial, bahkan juga turut mempengaruhi mereka untuk menggunakan bahasa tabu dalam pertuturan. Ciapan yang disiarkan di Twitter @ X dikelaskan mengikut kerangka dimensi sosial oleh Holmes dan Wilson (2017). Analisis data menunjukkan bahawa empat dimensi sosial yang dikemukakan oleh Holmes dan Wilson (2017) sesuai dimanfaatkan dalam kajian penterjemahan kata tabu.

Jarak Sosial

Dimensi jarak sosial membuktikan bahawa pemilihan bahasa dipengaruhi oleh tahap keakraban antara penutur dengan pendengar (Holmes & Wilson, 2017). Keselesaan untuk bertutur ketika berkomunikasi dilihat dari aspek jarak hubungan sama ada rapat atau tidak. Oleh sebab itu, keakraban dalam sesbuah perhubungan dapat mempengaruhi pemilihan kod bahasa ketika bertutur atau bertulis. Menerusi ciapan yang diperoleh, pengkaji telah mengenal pasti dua jenis hubungan, iaitu hubungan antara rakan dengan pengikut. Data adalah seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Dimensi jarak sosial dalam ciapan pengguna Twitter @ X

No.	Ciapan yang Mengandungi Penggunaan Bahasa Tabu
1	A: wah bagi bunga B: ye babi sialla aku minta spend eskem punya kedekut C: ye la babi nanti aku spend kau kat maba
2	A: HAHAHAHAH AKU TERINGAT LA SIAL HAHAHAH. “Woi pukimak *suara kepit*” B: aku rasa aku pon macam tahu cerita ni hahahahahah A: AHHAHAH YTJT B: HAHAHAHAH WEH SIAL LA! Bende tu termain main dekat fikiran aku HAHAHAH
3	A: Just want boobs as big as hers B: Sob sob relatable A: Bila dah kurus ni tetek pun mengurus B: Weh ye bodo need to go lingerie shopping HAHAHHAH
4	A: Bro aku baru terbaca yang pondan yang go through mtf transition, kat bawah yang dia pi potong tu, akan sentiasa bau taik , dan bau taik yang SANGAT kuat sampai satu bilik berbau B: takdeleh. benda dah bedah ada la post-care dia. Benda apa pun kalau dah operate tapi tak pandai jaga akan busuk sebab infection A: No bro semalam ada post pasal neo vagina . Babi doh jangan google

Jadual 1 di atas mendapati bahawa majoriti ciapan yang diperoleh merupakan perbualan pengguna dengan rakannya seperti perbualan 1 dan 4. Penggunaan bahasa tabu dapat menimbulkan kemesraan dan keakraban dalam sesuatu hubungan. Namun begitu, kemesraan ini akan wujud dalam hubungan persahabatan yang sudah lama terjalin dan serasi. Perkara ini telah mendorong pengguna

untuk menggunakan bahasa tabu ketika berkomunikasi. Pernyataan ini juga telah disokong oleh Nadhifa Indana Zulfa Rahman (2019), bahawa penggunaan kata tabu tidak dianggap melanggar pantang larang sekiranya digunakan dalam hubungan pergaulan yang akrab sahaja. Contohnya, perbualan 1 yang mengandungi perkataan “**babi**” dan “**sial**” yang berfungsi sebagai panggilan terhadap orang yang dilawan tutur. Secara umumnya, “**babi**” merupakan sejenis binatang mamalia yang berbadan gemuk, berkaki pendek, berkulit tebal dan bermuncung, manakala **sial** bermaksud tidak bernasib baik atau malang. Namun begitu, konteks perkataan yang digunakan dalam ciapan “ye baby sialla aku minta *spend* eskem punya kedekut” dan “ye la baby nanti aku *spend* kau kat maba” sebagai kata panggilan terhadap rakannya. Perkara ini telah menjadi kebiasaan dalam kalangan remaja yang menggelar rakannya dengan menggunakan bahasa tabu. Sasa Intan Maharani (2023) turut menekankan bahawa pemilihan kod ini boleh berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor sosial, contohnya dengan siapa seseorang bercakap, konteks sosial perbualan, fungsi dan topik perbualan perbincangan.

Berdasarkan ciapan 2 juga, didapati data tersebut merujuk perbualan antara kenalan akrab. Konteks perbualan adalah berkaitan dengan rahsia kejadian yang hanya diketahui oleh kedua-dua individu itu sahaja. Namun begitu, konteks tersebut berkemungkinan berkaitan dengan kejadian yang menggunakan ungkapan tabu. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkara ini dapat dilihat menerusi cebisan ciapan “...Woi **pukimak** *suara kepit*” yang memaparkan rahsia yang diperbualkan berkaitan dengan kata tabu. Pengkaji mendapati bahawa bahasa tabu yang digunakan dalam ciapan, iaitu “**pukimak**” merujuk alat kemaluan ibu dan “**sial**” bermaksud bernasib malang. Oleh itu, penggunaan bahasa tabu dalam kalangan pengguna Twitter @ X dapat mewujudkan kemesraan dan keakraban dalam perhubungan mereka. Walau bagaimanapun, didapati bahawa pemilihan bahasa tabu sering digunakan individu ketika bertutur dengan pihak yang paling dekat dengan mereka. Perkara ini didorong oleh faktor keselesaan yang menyebabkan individu memilih bahasa yang agak kasar ketika berkomunikasi atau bergurau senda. Seterusnya, penggunaan bahasa tabu yang diperoleh mempunyai hubungan dengan orang yang tidak dikenali, iaitu pengikut media sosialnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, ciapan yang diperoleh pengkaji adalah daripada akaun salah seorang selebriti di Twitter @ X. Rasional penggunaan bahasa tabu yang digunakan adalah untuk mewujudkan kemesraan sesama pengikutnya.

Seterusnya, contoh perbualan 3 menunjukkan ciapan yang disiarkan mengandungi perkataan tabu seperti “**boobs**”, “**tetek**” dan “**bodo**”. Perkataan “**boobs**” dan “**tetek**” merujuk payudara atau buah dada wanita. Menurut Holmes dan Wilson (2017), pemilihan bahasa yang dipertuturkan turut dipengaruhi oleh topik perbincangan yang berlangsung. Topik perbualan adalah berkaitan saiz payudara yang diingini oleh pengguna A. Perkara ini telah mendorong pengguna untuk menggunakan perkataan “**tetek**” dalam ciapan, selaras dengan topik perbualan yang dibincangkan. Dalam pada itu, perkataan “**bodo**” merupakan singkatan bagi “**bodoh**” yang bermaksud bebal, dungu atau sukar mempelajari sesuatu. Namun dari konteks perbualan tersebut, perkataan “**bodo**” digunakan sebagai panggilan kepada orang yang dilawan tutur. Kebiasaannya, panggilan ini hanya digunakan pada lingkungan umur yang sama atau sebaya dengan penutur.

Selain itu, contoh ciapan 4 turut menunjukkan situasi penggunaan ungkapan tabu ketika berkomunikasi dengan orang yang tidak dikenali. Contoh kata tabu yang digunakan, iaitu “**taik**” yang bermaksud najis, “**vagina**” pula merujuk kepada bahagian kemaluan wanita, manakala “**babi**” merujuk kepada binatang. Konteks perbualan adalah berkaitan dengan kesan terhadap individu yang

menjalankan pembedahan penukaran jantina. Berdasarkan model Holmes dan Wilson (2017), pengkaji mendapati bahawa ciapan 3 dan 4 membuktikan penggunaan ungkapan tabu turut diaplikasikan untuk merapatkan hubungan antara orang yang tidak dikenali, iaitu pengikut Twitter @ X. Perkara ini berlaku kerana selebriti Twitter @ X ingin menjalinkan hubungan yang baik serta mewujudkan suasana yang mesra dalam kalangan pengikutnya.

Status Sosial

Menurut Holmes dan Wilson (2017), pemilihan bahasa ketika berkomunikasi juga dipengaruhi oleh status atau darjat seseorang. Dimensi ini menyatakan bahawa penggunaan bahasa yang berlainan disebabkan oleh kesesuaian status atau hubungan antara penutur dengan pendengar. Pemilihan bahasa yang sopan sering digunakan oleh individu ketika berkomunikasi dengan individu yang mempunyai darjat kehormat.

Jadual 2: Dimensi status sosial dalam ciapan pengguna *Twitter @ X*

No.	Ciapan yang Mengandungi Penggunaan Bahasa Tabu
	A: Hi nok! Nak beli rendang kau tapi mahal sangat la nok . Kurangkan sikit boleh? Sebekas dalam RM15 cun dah tu
5	B: BUTOHHH! BANGSAT MEREMPAT BODOH MCM KO GI HIRUP AIR PANTAT MAK POKIMAK KO JERR LAH BAPOKKK! GTHHH PUIII POKIMAK TERSIAL NI! TYPICAL NASTY MELAYU PALING POKIMAK MELAYU PALING BABI. GTHH PUII POKIMAK BODOH MEREMPAT. JUAL JUBORR PUN DAH RM150 LAH POKIMAK! NO ANJING BODOH MCM KO AKAN DI VIRALL KAN POKIMAK MEREMPAT BAPOK TAKDE SEN! GTHH PUII FUCK
6	Stupid Dato tak payah lah nak malukan dia macam tu.. gampang punya jantan
7	Perangai macam bapak aku siak dia la terpaling tahu semua benda lepastu bila tanya mengeluh macam dunia ni perlu tahu info tu dari lahir... tayik!
8	Fak off la hattan oiiii... cam sial perangai..bukan salah pompuan ni, dia cuma pengacara, bukan dia yg compile maklumat, bodoh punya org tua

Jadual 2 menunjukkan ciapan antara penjual dengan pembeli yang mengandungi ungkapan tabu seperti “**nok**”, “**butoh**”, “**bangsat**”, “**bodoh**”, “**pantat**”, “**pokimak**”, “**sial**”, “**jubor**”, “**anjing**” dan “**fuck**”. Holmes dan Wilson (2017) menyatakan bahawa cara percakapan seseorang dipengaruhi oleh konteks sosial, iaitu tempat, individu yang terlibat serta perasaan. Gaya penyampaian sesuatu pesanan juga berbeza mengikut status individu yang terlibat. Dapat menunjukkan perkaitan kenyataan oleh Holmes dan Wilson (2017) dengan ciapan di atas yang bersifat negatif sebagai punca daripada perasaan marah penjual terhadap pembeli. Menerusi ciapan “Hi **nok!** Nak beli rendang kau tapi mahal sangat la **nok**. Kurangkan sikit boleh? Sebekas dalam RM15.00 cun dah tu” menunjukkan cara sapaan yang diujarkan oleh pembeli kelihatan kurang sopan serta tidak beradab. Perkataan “**nok**” merupakan singkatan “**nonok**” yang bermaksud kemaluan perempuan. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa pengguna hanya menggunakan perkataan “**nok**” sebagai kata ganti nama diri yang kedua.

Menerusi ciapan yang dibalas oleh pihak penjual, iaitu “**BUTOHHH! BANGSAT, BODOH, PANTAT, POKIMAK, POKIMAK TERSIAL, POKIMAK BABI. POKIMAK BODOH,**

JUBORR, POKIMAK, ANJING BODOH, POKIMAK FUCK mengandungi banyak ungkapan tabu dalam menzahirkan perasaan marah terhadap pembeli. Menurut Anggana Raras Salsabil Suha dan Emry Sudarwati (2021), pemilihan kata tabu dianggap sebagai reaksi spontan untuk meredakan ketegangan pada minda atau perasaan peribadi. Secara umumnya, **ungkapan “butoh”, “pantat”, “pokimak” dan “jubor”** adalah berkaitan dengan anggota badan atau alat kelamin lelaki dan perempuan. Perkataan **“bodooh”** dan **“sial”** merupakan kata sifat bagi dungu dan malang, manakala **“bangsat”** bermaksud orang yang jahat. Sementara itu, anjing dan babi merupakan sejenis binatang yang haram di sisi agama Islam. Rasional penggunaan perkataan anjing dan babi ini dianggap sesuai untuk menghina dan mencela seseorang. Kekurangan pengetahuan tentang pemilihan kata yang sopan menyebabkan berlakunya pemilihan kata tabu oleh pengguna dalam media sosial (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2024). Oleh itu, pemilihan perkataan tabu yang kesat tersebut telah membuktikan bahawa pengguna ingin memaparkan tekanan yang dialami ketika menghadapi seseorang yang tidak beretika.

Berdasarkan dimensi status sosial yang diperkenalkan oleh Holmes dan Wilson (2017), status serta pangkat didapati menjadi faktor dalam pemilihan bahasa kasar semasa bertutur. Pengkaji mengaitkan situasi ciapan tersebut yang dilangsungkan oleh penjual dan pembeli. Kebiasaananya, cara komunikasi yang betul perlu dilakukan secara lemah lembut dan sopan untuk menarik pelanggan dalam mlariskan sesuatu perniagaan. Namun begitu, ciapan tersebut memaparkan cara komunikasi yang negatif antara penjual dengan pembeli. Perkara ini berlaku disebabkan oleh sikap dan adab berkomunikasi yang dipupuk oleh individu itu sendiri. Secara tuntasnya, status sosial individu perlu dititikberatkan supaya komunikasi yang dibangunkan adalah lancar dengan penggunaan bahasa yang tepat.

Seterusnya, ciapan **“Stupid Dato tak payah lah nak malukan dia macam tu.. gampang punya jantan”** memenuhi dimensi status sosial yang merujuk pangkat individu tersebut. Pengguna Twitter @ X tersebut melepaskan kemarahan terhadap isu Dato Hattan yang telah menyekolahkan penyampai berita ketika siaran langsung Berita Awani. Perkataan tabu yang digunakan dalam ciapan tersebut ialah **“stupid”**, gampang dan jantan. Istilah **“stupid”** yang merupakan perkataan bahasa Inggeris yang digunakan dalam ciapan tersebut bermaksud dungu, bebal atau tidak mengerti sesuatu perkara. Pengguna tersebut ingin mengaitkan **“stupid”** dengan perbuatan yang dilakukan oleh artis tersebut. Kata tabu yang digunakan di dalam ciapan tersebut, iaitu **“gampang”** bermaksud anak haram manakala **“jantan”** merujuk jantina haiwan. Walaupun ciapan yang ditulis mengandungi kata tabu dalam mengekspresikan kemarahan, namun pengguna tersebut masih mengekalkan darjah individu yang dimarahi tersebut. Perkara ini berlaku kerana pengguna mempunyai kesedaran dan kehormatan terhadap pangkat individu tersebut serta beliau berhak mendapat penghormatan. Oleh itu, pengguna masih mengekalkan panggilan **“Dato”** walaupun berada di dalam situasi kemarahan terhadap perbuatannya sehingga mengeluarkan kata tabu. Perkara ini menunjukkan bahawa individu tersebut masih mempunyai pertimbangan dalam diri untuk menghormati seseorang yang mempunyai pangkat yang lebih tinggi.

Selain itu, ciapan **“Perangai macam bapak aku siak dia la terpaling tahu semua benda lepastu bila tanya mengeluh macam dunia ni perlu tahu info tu dari lahir... tayik!”** dikaitkan dengan penggunaan bahasa tabu antara anak dengan bapa. Ciapan ini turut diperoleh daripada reaksi pengguna terhadap perbuatan Dato Hattan yang memperlekehkan penyampai Berita Awani. Pengguna telah mengaitkan perbuatan tersebut yang dianggap serupa dengan kelakuan bapanya

sendiri. Perkataan “siak” digunakan dalam ciapan tersebut yang sama maksudnya dengan istilah “**sial**”, iaitu malang. Ungkapan tabu yang digunakan, iaitu “tayik” pula berasal daripada istilah “**taik**”, yakni merujuk najis. Ciapan ini telah memaparkan seorang anak yang telah memberikan pandangan yang negatif terhadap sikap bapanya. Namun begitu, pengguna tersebut masih mempunyai sedikit penghormatan kepada bapanya melalui penulisan kata tabu yang diungkapkan secara tidak terus. Perkara ini membuktikan bahawa individu masih berfikir dengan rasional semasa memberikan pandangan terhadap sikap bapanya yang tidak disukai.

Di samping itu, ciapan “**Fak off**”, “**sial**”, dan “**bodoh**” merupakan salah satu reaksi daripada isu seorang artis yang sama memperlekehkan penyampai Berita Awani. Ciapan tersebut dapat dikaitkan dengan status individu, iaitu perbezaan usia antara pengguna dengan artis tersebut. Menerusi ciapan tersebut, kelihatan pengguna tidak lagi mempunyai rasa hormat terhadap individu yang lebih tua. Bahasa tabu yang digunakan seperti yang dinyatakan merujuk perilaku artis tersebut. Istilah “**Fak off**”, iaitu singkatan daripada “**fuck off**” berasal daripada bahasa Inggeris yang bermaksud pergi dari sini. Istilah ini dianggap kasar kerana sering digunakan ketika ingin melepaskan kemarahan dan kekesalan terhadap individu lain. Pengguna menggunakan perkataan “**sial**” dan “**bodoh**” yang ingin merujuk perangai artis tersebut yang malang dan dungu kerana tidak berfikir sebelum bertindak. Dengan demikian, ciapan ini telah membuktikan bahawa sikap hormat terhadap individu yang lebih berusia akan hilang sekiranya perasaan marah telah menguasai diri.

Tuntasnya, dimensi sosial oleh Holmes dan Wilson (2017) dari aspek status sosial menjelaskan bahawa pemilihan bahasa dalam sesuatu komunikasi bergantung pada status dan pangkat individu. Pengkaji mendapati bahawa segelintir pengguna Twitter @ X masih mempunyai pertimbangan dan rasa hormat dalam diri ketika ingin melepaskan kemarahan kepada individu yang lebih berusia atau berpangkat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui penulisan ciapan yang masih mempunyai kata kehormat pangkat dan ejaan perkataan tabu yang tidak secara terus. Namun begitu, majoriti pengguna Twitter @ X juga tidak menghiraukan status dan pangkat seseorang. Hal ini terjadi kerana mereka hanya memandang perbuatan yang dilakukan tanpa menghiraukan usia atau pangkat individu tersebut.

Tahap Keformalan

Dimensi tahap keformalan yang dipaparkan oleh Holmes dan Wilson (2017), iaitu situasi atau latar tempat juga mempengaruhi individu dalam pemilihan bahasa ketika berkomunikasi. Pemilihan bahasa baku akan digunakan ketika situasi formal, manakala bahasa slanga, dialek, bahasa tabu dan sebagainya diterapkan untuk situasi tidak formal. Hal ini justeru menunjukkan bahawa kecenderungan memilih bahasa yang bersesuaian bergantung pada situasi berdasarkan Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Dimensi tahap keformalan dalam ciapan pengguna Twitter @ X

No.	Ciapan yang Mengandungi Penggunaan Bahasa Tabu
9	Dia pilih Pak Lah jd pm, <i>so so</i> . Dia back up Najib ganti Pak Lah jd PM, hancur berderai. Orang kuat dia Mydin a.k.a Langkah Sheraton, gagal n jahanam teruk. Yang dia xnak jadi PM Anwar. <i>Well</i> , kali ni berbeza n <i>hopefully</i> (yakin) <i>result</i> nya pun berbeza.
10	“Abah” dah kena sekat perjalanan keluar negara. Siapa la bangang <i>first</i> start guna “abah” ni sial .
11	HAHAHABODOH SIAL PN BUSUK BODOH SANGGUP MENYALAK RAMAI2 NAK JILAT BONTOT MIDIN, PADAHAL ABAH COW NI LAH YANG BAGI PROJEK KAT ANAK KETURUNAN DIA. BODOH BERSIH TAIK KUCING PUIH!
12	Barua abah <i>cow</i> koyak rabak oii semua bangun bila kene cuit
13	HARI HARI JUMAAT PENUH BAROKAH? PERTUDUHAN! KESIAN! BAWAK SIAL! GTHH PUIII! FUCK MERENYUT STILL GELUPUH? SANGGUP JADIK BARUA PENJILAT! EE JIJIKKK!

Jadual 3 merupakan ciapan yang disiarkan oleh pengguna Twitter @ X berkaitan dengan isu ahli politik. Holmes dan Wilson (2017) menjelaskan bahawa dimensi tahap keformalan berkait rapat dengan keadaan atau situasi komunikasi yang berlangsung sama ada formal atau tidak formal. Secara umumnya, media sosial merupakan platform yang tidak rasmi menyebabkan masyarakat bebas menggunakan pelbagai bahasa ketika berkomunikasi. Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa tabu di media sosial tidak menjadi satu kesalahan kerana tiada peraturan yang ditetapkan. Perkara ini berbeza ketika dalam situasi formal yang mempunyai protokol dan etika yang perlu diikuti oleh masyarakat seperti penggunaan bahasa Melayu baku. Selain itu, media sosial dianggap sebagai satu platform yang efektif untuk masyarakat bersuara dan mengemukakan pendapat. Di bawah Perkara 10(1) (a) dalam Perlembagaan Persekutuan turut menyatakan berkaitan dengan hak kebebasan bersuara dan pendapat dalam kalangan masyarakat. Kebebasan tersebut tidak dapat disekat walaupun mengguris hati mana-mana pihak kerana tidak termaktub dalam perlembagaan (Hasniza Hussain, 2020). Sehubungan dengan itu, masyarakat lebih gemar menyuarakan pendapat terutama berkaitan dengan politik di media sosial. Perkara ini juga tidak menyalahi undang-undang menyebabkan masyarakat kian berani mencaci maki ahli politik di platform tersebut.

Berdasarkan ciapan No. 9, bahasa tabu “**jahanam teruk**” dalam ciapan tersebut bermaksud rosak, tidak dapat digunakan serta binasa. Pengguna Twitter @ X ingin menyampaikan bahawa pentadbiran yang dipegang oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak cekap serta hancur binasa. Ciapan ini merupakan luahan rakyat ekoran pertukaran bagi jawatan Perdana Menteri Malaysia sebanyak tiga kali tanpa mencukupi satu penggal selepas Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14. Perkara ini telah memberikan harapan kepada pengguna supaya memperoleh pembaharuan dalam pentadbiran kerajaan.

Menerusi ciapan No. 10, “**bangang**” dan “**sial**” memaparkan penggunaan bahasa tabu yang bertujuan mengherdik individu yang mulakan panggilan “abah” terhadap Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Perdana Menteri Malaysia yang kelapan. Perkataan “**bangang**” dan “**sial**” yang diaplikasikan bermaksud bodoh dan bernasib malang. Konteks ciapan tersebut dibina berkaitan

dengan isu Tan Sri Muhyiddin Yassin yang ditahan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap dakwaan penyalahgunaan kuasa serta pengubahan wang haram. Perkara ini diluahkan oleh pengguna sebagai suara rakyat yang tidak menyokong perkara yang dilakukan oleh beliau.

Seterusnya, paparan ciapan No. 11, **BODO SIALBODOH, BONTOT, BODOH, TAIK** menunjukkan penggunaan bahasa tabu oleh pengguna ketika menggambarkan sikap penyokong parti Perikatan Nasional (PN). Perkataan tabu yang ditemui menerusi ciapan tersebut ialah “**bodoh**”, “**sial**”, “**bontot**” dan “**taik**”. Pengguna tersebut ingin mengkritik penyokong parti PN yang dianggap kurang cerdik dan malang kerana telah menyokong Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam pilihan raya. Selain itu, perkataan “**bontot**” membawa maksud bahagian belakang di antara belakang dan kaki, dubur atau pinggul, manakala “**taik**” merupakan hampas makanan yang keluar daripada dubur atau najis.

Selain itu, ciapan No. 12 turut menggunakan kata tabu, iaitu perkataan “**barua**” yang bermaksud orang jahat. Konteks ciapan tersebut adalah berkaitan dengan satu video suasana kekecohan yang berlaku di parlimen apabila Yang Berhormat (YB) Tuan Khoo Poay Tiong telah memetik isu projek Sistem Imigresen Bersepadu Malaysia yang dimiliki oleh menantu Tan Sri Muhyiddin Yassin. Pengguna Twitter @ X telah menghasilkan ciapan yang berunsur seorang pembangkang serta memerli pihak PN.

Ciapan yang terakhir, iaitu **SIAL, FUCK MERENYUT, BARUA**, turut mengandungi suara rakyat yang memerli serta mengherdik Tan Sri Muhyiddin Yassin terhadap dakwaan enam pertuduhan yang dikenakan. Kata tabu seperti “**sial**”, “**fuck**”, “**merenyut**” dan “**barua**” ditujukan kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin. Pengguna tersebut merujuk perkataan “**sial**” kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin yang bermaksud bernasib malang. Pinjaman bahasa Inggeris, iaitu “**fuck**” bermakna aktiviti hubungan kelamin antara lelaki dengan wanita manakala “**barua**” bermaksud orang jahat.

Dimensi tahap keformalan oleh Holmes dan Wilson (2017) menyatakan bahawa latar tempat serta situasi mempengaruhi individu dalam pemilihan sesuatu bahasa. Secara umumnya, situasi formal akan mendorong seseorang menggunakan bahasa Melayu baku, manakala yang tidak formal memilih pelbagai bahasa atau dialek yang tersendiri. Oleh itu, pengkaji mengaitkan dimensi ini dengan situasi perbualan di media sosial yang dianggap tidak formal dan bebas untuk bersuara. Perkara ini telah mendorong pengguna Twitter @ X untuk menyuarakan perasaan tidak puas hati dan kemarahan terhadap ahli politik melalui pembinaan ciapan yang mengandungi penggunaan bahasa tabu. Pernyataan ini disokong oleh M. Sofyan Al Farisi, Adi dan Endang Setiyo Astuti (2019) bahawa masyarakat menggunakan perkataan tabu untuk mengejek pihak berkuasa apabila mereka tidak berpuas hati dengan imej awam tersebut seperti kerajaan. Masyarakat tidak berani menyuarakan secara bersemuka kerana risau akan tindakan atau dikenakan saman daripada pihak atasan. Intihanya, penggunaan bahasa tabu oleh pengguna Twitter @ X didorong oleh situasi yang tidak formal serta bebas dalam penggunaan pelbagai bahasa di media sosial. Dengan demikian, salah satu penggunaan pelbagai bahasa dalam kalangan pengguna, termasuklah bahasa tabu.

Dimensi Fungsian

Dimensi fungsian membuktikan sesuatu interaksi akan berlaku sekiranya mempunyai hala tuju atau tujuan yang tertentu. Holmes dan Wilson (2017) mengetengahkan dua fungsi, iaitu rujukan dan afektif.

(i) Fungsian Rujukan

Fungsian rujukan merujuk satu interaksi yang dijalankan sebagai pemberitahuan terhadap sesuatu informasi kepada individu lain atau khalayak. Kebiasaannya, setiap individu perlu mempunyai tujuan atau sebab utama melakukan sesuatu. Hal ini turut dikaitkan dalam situasi berkomunikasi yang diikuti dengan tujuan bagi sesuatu perkara yang perlu disampaikan kepada khalayak seperti dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Dimensi fungsian rujukan dalam ciapan pengguna Twitter @ X

No.	Ciapan yang Mengandungi Penggunaan Bahasa Tabu
14	SUDIRMAN SUDAH MATI ... kerana pneumonia di rumah kakaknya di Bangsar.
15	Lelaki <i>parking</i> kereta bontot lagi <i>sexy</i> dan <i>power</i> dari lelaki yang pandai <i>side parking</i> kereta. Ok jom gaduh.
16	Apa benda paling bodoh yang korang pernah nangis? <i>I</i> pernah nangis sebab <i>hanger</i> jatuh dan <i>i</i> terlalu penat nak kutip.
17	Sebenarnya yang gila seks atas dunia ni perempuan ke lelaki? Nampak mcm comel bertudung baik kemelayuan ayu <i>innocent</i> tapi muka dok malu depan kamera rakam <i>then</i> sebar video tunjuk makan makanan rupa konek , wicis am really <i>confusing</i> zaman now
18	Apa kata kalau bf minta gambar lucah, kau pakai otak dan jangan hantar?? Otak letak kat bontot . Dua-dua salah. Yang minta salah dan yang hantar LAGI bodoh .
19	#TERKINI: Pelacur kelas atasan warga tempatan tawar RM1500 bagi pakej hiburan dan perkhidmatan seks bagi lelaki hidung belang di Pulau Pinang ditumpaskan polis Daerah Timur Laut. #PDRM #FaktaKes

Dimensi fungsian oleh Holmes dan Wilson (2017) menyatakan bahawa sesuatu interaksi berlaku dalam kalangan penutur mempunyai tujuan dan sebab yang ingin disampaikan kepada lawan tutur. Terdapat dua fungsi utama dalam pertuturan, iaitu rujukan dan afektif. Fungsian rujukan berfungsi untuk menyampaikan sesuatu maklumat atau makluman kepada individu lain. Oleh itu, penggunaan bahasa tabu di Twitter @ X turut diaplikasikan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

Perkara ini dapat dilihat menerusi contoh 14, perkataan “**MATI**” yang bertujuan memberitahu berita semasa kepada khalayak. Perkataan “**mati**” yang dimaksudkan menerusi ciapan tersebut, bermaksud meninggal dunia atau tidak bernyawa. Konteks yang ingin disampaikan adalah untuk memberitahu bahawa Allahyarham Sudirman telah meninggal dunia akibat pneumonia di Bangsar. Perkataan “**mati**” dianggap tabu kerana kelihatan agak kasar untuk diungkapkan kepada manusia. Oleh itu, masyarakat Melayu telah menggantikan ungkapan tersebut kepada “**meninggal dunia**”

kerana bertepatan dengan fitrah setiap manusia yang meninggalkan alam dunia untuk kembali ke tempat asal, iaitu tanah. Oleh yang demikian, ciapan ini bertepatan dengan dimensi sosial Holmes dan Wilson (2017) yang menyatakan bahawa sesuatu interaksi berlaku dengan tujuan menyampaikan maklumat. Justeru, pengkaji turut mengaitkan penggunaan bahasa tabu “**mati**” yang bertujuan menyebarluaskan informasi berkaitan dengan kematian Allahyarham Sudirman.

Seterusnya, ciapan “**bontot**” dan “**sexy**” telah menepati dimensi fungsian rujukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengguna Twitter @ X tersebut ingin memaklumkan bahawa lelaki yang menarik akan memarkir keretanya dalam keadaan mengundurkan bahagian belakang terlebih dahulu. Ungkapan tabu yang diperoleh daripada ciapan, iaitu perkataan “**bontot**” bermaksud pinggul manakala “**sexy**” bermaksud menggiurkan atau menghairahkan. Namun begitu, perkara ini tidak dianggap tabu oleh masyarakat kerana perkara yang dimaksudkan adalah berkaitan bahagian belakang kereta serta sifat seorang lelaki yang menarik.

Selain itu, ciapan yang ke-16, iaitu “**bodoh**” merupakan kata tabu yang digunakan untuk menyampaikan maklumat. Perkataan “**bodoh**” yang digunakan dalam ciapan tersebut membawa maksud tidak masuk akal. Secara umumnya, “**bodoh**” bermaksud dungu, bebal atau tidak mempelajari sesuatu. Walau bagaimanapun, konteks utama ciapan ini disiarkan bertujuan menceritakan kejadian yang tidak masuk akal sehingga menyebabkan pengguna tersebut menangis kesedihan.

Di samping itu, konteks ciapan bertujuan berkongsi kecelaruan terhadap isu yang berbangkit di mindanya. Ciapan “**seks**” dan “**konek**” agak kasar dan lucu untuk dibaca oleh masyarakat. Perkataan “**seks**” merujuk hubungan kelamin antara lelaki dengan wanita, manakala “**konek**” bermaksud alat sulit lelaki. Perkara ini berlaku ekoran penyebaran video seorang gadis yang sedang menikmati makanan berbentuk kemaluhan lelaki diikuti aksi yang agak ghairah.

Menerusi ciapan ke-18, pengguna ingin menyampaikan kebenaran terhadap perkara yang sering dijadikan tanda tanya sama ada menyalahkan pihak lelaki atau wanita. Perkataan “**bontot**” bermaksud dubur atau bahagian belakang manusia, manakala “**bodoh**” merujuk pemikiran yang dungu serta bebal. Ciapan tersebut dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya berfikir sebelum bertindak ketika melakukan sesuatu perkara.

Ciapan “**pelacur**” diperoleh daripada akaun Malaysia Gazette yang menyebarluaskan sebarang berita terkini. Penggunaan kata tabu yang digunakan, iaitu “**pelacur**” memberikan maksud perempuan yang melacurkan diri atau jalang, manakala “**seks**” merujuk hubungan kelamin atau persetubuhan antara lelaki dengan wanita. Pengguna ini ingin menyampaikan maklumat terkini berkaitan dengan penumpasan terhadap aktiviti jenayah pelacuran di Pulau Pinang. Namun begitu, rasional pengaplikasian kata tabu dalam sesuatu berita bertujuan menarik perhatian pembaca untuk mengetahui secara lebih lanjut tentang perkara yang ingin disampaikan oleh pihak media. Perkara ini telah disokong oleh M.Sofyan Al Farisi, Adi dan Endang Setiyo Astuti (2019) bahawa ungkapan tabu mempunyai daya tarikan konotasi yang kuat dalam memperoleh tumpuan pendengar. Oleh itu, ciapan ini telah membuktikan bahawa penggunaan bahasa tabu yang digunakan bertujuan menarik perhatian pembaca dalam menyampaikan maklumat atau berita terkini berkaitan dengan aktiviti jenayah yang berlaku di Malaysia. Intinya, Holmes dan Wilson (2017) telah menjelaskan bahawa setiap interaksi dapat dijalankan sekiranya mempunyai tujuan atau hasrat yang tersendiri. Dengan demikian, dapatkan telah mengaitkan fungsian rujukan dengan ciapan yang mengandungi bahasa tabu. Perkara ini sekali gus membuktikan bahawa pengaplikasian ungkapan tabu dalam ciapan

bertujuan menyampaikan maklumat. Sehubungan dengan itu, sebahagian daripada pengguna Twitter @ X tidak menyedari bahawa ungkapan yang digunakan untuk menyampaikan maklumat ialah bahasa tabu.

(ii) Fungsian Afektif

Fungsian afektif dikhuluskan kepada tindakan mengekspresi sesuatu emosi. Holmes dan Wilson (2017) menghuraikan bahawa fungsian afektif difokuskan kepada individu yang ingin memaparkan emosi tertentu sama ada gembira, marah, sedih dan sebagainya. Menurut Nursahida Sakira Kirman *et al.* (2021), tingkah laku individu dipengaruhi oleh emosi sebagai satu reaksi ketika berinteraksi dalam konteks sosial masyarakat. Perkara ini telah membuktikan bahawa emosi yang dialami oleh individu mampu mempengaruhi pembentukan tingkah laku yang baik maupun buruk seperti dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Dimensi fungsian afektif dalam ciapan pengguna Twitter @ X

No.	Ciapan yang Mengandungi Penggunaan Bahasa Tabu
20	2X5! 5X BABI MENGGELUPUH TAYANG! POKIMAK KO LAH BODOH! GTHH PUI! FUCK
21	Patutla org marah pasal filem mentega terbang ni, korang tgkla dan nilai sendiri. Memang nak semai benih2 liberalisme dlm masyarakat. Bodoх sial sapa buat filem kimak mcm ni
22	Babi la sajat bahan aku sial
23	Tak habis lagi ke? Mampus je la jantan macam ni. Semoga karier kau terus mati lepas ni. Sial betul. Seronok la si penyondol tu.
24	Bas neoliner ni bas paling bangsat ye, korang jangan naik. Sidai aku 2 jam kat TBS last2 dia <i>cancel fan</i> suruh aku <i>refund</i> . Butohla aku buang masa 2 jam kot celaka . Harap melingkupla pasni.
25	Nah ni rupa bas kimak tu. ingat betul2 ye NEOLINER. Elakkan daripada naik bas neoliner celaka ni gais. 2 jam aku tunggu kat TBS last2 dia suruh aku <i>refund</i> . WTF suka hati ko je <i>cancel2</i> mcm tu. buang masa la sial babi babi
26	<i>The fact that showed me to your friends, when we're together and on good terms, pokimak lancau la small dick energy la babi kata aku use kau while you fucking take advantage of me all the time</i>
27	Spesis yang beromen dekat konsert ni kau takde maruah ke apa sial ? Terutama sekali yang bertudung. Ni kalau sembang mesti dia la terpaling <i>feminist</i> , tapi dia sendiri yang buat diri tu macam tak ada maruah. Nak beromen buat dkt tempat <i>proper</i> . Bukan buat merata-rata macam anjing .

Ekoran daripada perkembangan teknologi yang semakin pesat telah menjadikan segala jenis media sosial termasuk Twitter @ X dijadikan sebagai platform luahan perasaan gembira, marah, sedih dan sebagainya. Majoriti hasil pengumpulan data yang diperoleh telah mendapati banyak ciapan yang disiarkan bertujuan mengekspresikan emosi. Berdasarkan paparan ciapan tersebut, pengkaji mendapati bahawa penggunaan bahasa tabu sering digunakan oleh pengguna Twitter @ X kerana ingin melampiaskan kemarahan, kekesalan dan sebagainya melalui makian bahasa tabu. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi ciapan No. 20, iaitu **BABI**, **POKIMAK BODOH!** **FUCK** yang mempunyai unsur makian untuk menunjukkan emosi marah. Konteks yang diungkapkan oleh pengguna menerusi ciapan tersebut kerana ingin meluahkan perasaan geram terhadap selebriti yang

bersikap angkuh dengan jumlah pendapatan yang banyak serta memperlekehkan masyarakat tidak berduit. Perkataan “**babi**”, “**pokimak**”, “**bodoh**” dan “**fuck**” merupakan istilah yang agak kesat dan sering digunakan untuk makian. Ungkapan makian yang dilontarkan bertujuan menyakiti perasaan serta memberikan kesan yang negatif kepada orang yang dimarahi. Perkara ini dapat dikukuhkan dengan pernyataan oleh M.Sofyan Al Farisi, Adi dan Endang Setiyo Astuti (2019) bahawa pengaplikasian kata tabu dipercayai sebagai kaedah yang paling berkesan untuk mengundang kekacauan atau kemarahan pihak yang berkenaan. Ungkapan “**babi**” sinonim dengan situasi makian kerana dianggap sebagai binatang yang terhina kepada masyarakat Islam. “**Pokimak**” merupakan gabungan kata “**puki**” dan “**mak**” dibina oleh masyarakat yang bermaksud kemaluan ibu manakala “**bodoh**” bermaksud tidak mengetahui sesuatu atau dungu. Sementara itu, “**fuck**” merupakan kata tabu yang dipinjam daripada perkataan Inggeris yang bermaksud aktiviti hubungan kelamin antara lelaki dengan wanita. Oleh itu, perkataan-perkataan ini sering digunakan untuk meluahkan kemarahan kerana dapat memberikan kesan yang negatif terhadap individu yang terlibat.

Seterusnya, ciapan “**Bodoh sial**” dan “**kimak**” mengandungi emosi kekesalan pengguna terhadap pengarah filem *Mentega Terbang*. Konteks ciapan ini dapat dilihat bahawa pengguna menunjukkan kekesalan kepada pengarah kerana menghasilkan filem yang bersifat liberal terhadap sesuatu agama. Pengguna tersebut telah menggunakan perkataan “**bodoh**”, “**sial**” dan “**kimak**” untuk diutarakan kepada pengarah filem tersebut. Ciapan yang disiarkan menyatakan bahawa pengarah filem tersebut tidak berotak dan malang kerana menghasilkan filem yang tidak berguna serta dapat memesongkan akidah masyarakat yang beragama Islam.

Selain itu, ciapan yang mempunyai unsur beremosi seperti “**jantan**” dan “**Sial**” memenuhi kriteria fungsian afektif. Menerusi ciapan tersebut, didapati bahawa pengguna memberikan komentar yang berunsur kemarahan bagi artikel berkaitan dengan kes curang yang berlaku dalam kalangan selebriti tempatan. Perkataan “**jantan**” dan “**sial**” telah digunakan bagi merujuk si pelaku tersebut. Kebiasaannya, “**jantan**” dianggap kata tabu kerana merujuk jantina binatang, manakala “**sial**” bermaksud malang.

Di samping itu, konteks bagi pembinaan ciapan **bangsat**, **Butohla**, **celaka**, **kimak**, **sial** **babi** berkaitan dengan pengalaman buruk ketika menaiki bas. Ungkapan tabu yang diperoleh melalui ciapan tersebut adalah seperti “**bangsat**”, “**butoh**”, “**celaka**”, “**kimak**”, “**sial**” dan “**babi**”. Ciapan tersebut telah memaparkan keadaan pengguna tersebut dalam menghamburkan kemarahan kepada pihak bas Neoliner. Namun begitu, luahan ini turut dijadikan sebagai peringatan kepada masyarakat yang lain terhadap perkhidmatan yang buruk oleh pihak bas tersebut. Perkara ini telah membuktikan bahawa emosi kemarahan yang melampau dapat mendorong pengguna untuk menghamburkan kata-kata yang kesat.

Tambahan lagi, ciapan No. 25 juga merupakan contoh bagi fungsian afektif dalam memaparkan makian. Sebahagian daripada kata tabu yang digunakan merupakan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris, iaitu “**dick**” dan “ **fucking**” manakala Hokkien Cina, iaitu “**lancau**”. Perkataan “**pukimak**”, “**lancau**” serta “**dick**” membawa maksud alat kelamin lelaki dan wanita. Seterusnya, perkataan “ **fucking**” merujuk perhubungan kelamin manakala “**babi**” bermaksud seekor binatang. Konteks utama ciapan dibina adalah untuk menzahirkan kemarahan terhadap sikap bekas kekasihnya yang telah mempergunakan individu tersebut semasa menjalankan hubungan.

Seterusnya, terdapat beberapa ciapan yang mengandungi bahasa tabu untuk makian terhadap isu yang tular baru-baru ini, iaitu isu melakukan aktiviti yang tidak senonoh di konsert artis Indonesia, ST12. Perkara ini telah mengundang kemarahan masyarakat terutama pengguna Twitter @ X kerana melakukan aksi yang tidak sepatutnya di tempat awam. Antara ciapan yang disiarkan oleh pengguna Twitter @ X berkaitan dengan isu ini adalah seperti “**sial**” dan “**anjing**” yang dianggap terlalu kesat, keterlaluan serta tidak sedap untuk dibaca oleh pengguna Twitter @ X yang terdiri daripada pelbagai usia. Konteks bagi ciapan yang pertama menyatakan kekesalan kepada wanita bertudung yang turut melakukan aksi tersebut di sana tanpa menghiraukan maruah diri. Perkataan “**sial**” yang dimaksudkan ialah wanita malang manakala “**anjing**” merujuk binatang yang hina bagi masyarakat beragama Islam. Bagi ciapan yang kedua pula, pengguna memberikan makian kepada masyarakat yang menyokong pemberian kebebasan untuk melakukan perbuatan tersebut di tempat awam.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, kajian didasarkan pada keempat-empat dimensi sosial oleh Holmes dan Wilson (2017) yang terdiri daripada jarak sosial, status sosial, tahap keformalan dan fungsian. Dapatkan kajian mendapati bahawa penggunaan kata tabu yang diaplikasikan oleh pengguna Twitter @ X bertujuan mengekspresikan emosi kemarahan terhadap sesuatu pihak. Setiap ciapan yang diperoleh kelihatan beremosi yang mendorong individu menghamburkan kata-kata tabu, kesat dan kasar tanpa mengambil kira dimensi sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana pengguna Twitter @ X hanya ingin melepaskan kemarahan dan ketidakpuasan hati mereka terhadap sesuatu pihak tanpa berfikir kesan kepada dirinya dan pihak yang terlibat, seterusnya mempengaruhi pemilihan bahasa seseorang. Intinya, keseluruhan dapatan kajian menyimpulkan bahawa penggunaan kata tabu dalam kalangan pengguna Twitter @ X didorong oleh emosi yang tidak stabil, dikuasai oleh amarah dan fikiran yang tidak rasional.

Penghargaan

Pegkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Para penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini dilakukan tanpa sebarang kepentingan diri, komersial, atau konflik kewangan.

Rujukan

- Amir Ahmad Jafari Baravati & Samaneh Rangriz. (2019). Taboo language and norms in sociolinguistics. *Journal of Applied Linguistics and Language Research*, 6(1), 75-83. <http://www.jallr.com/index.php/JALLR/article/view/958/pdf958>
- Anggana Raras Salsabil Suha & Emry Sudarwati. (2021). What you are is what you say': An analysis of taboo words on TikTok. *Jurnal Kata: Penelitian tentang Ilmu Bahasa dan Sastra*, 5(2), 321-332. <http://dx.doi.org/10.22216/kata.v5i2.438>
- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan kaedah nahu: Sejarah perkembangan aliran pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2021). Carian PRPM@DBP Malaysia: Pusat rujukan persuratan Melayu. Diakses pada 2 Jun 2023 prpm.dbp.gov.my/Default.aspx
- Hasniza Hussain. (30 Julai 2020). Rakyat Malaysia bebas bersuara. *Sinar Harian*. Diambil dari <https://www.sinarharian.com.my/article/94660/berita/nasional/rakyat-malaysiabebas-suara>.
- Holmes, J., & Wilson, N. (2017). *An introduction to sociolinguistics*. Routledge.
- K. N. Widyatnyana, I. W. Rasna & I. B. Putrayasa. (2023). Analisis jenis dan makna pragmatik ujaran kebencian di dalam media sosial Twitter. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Bahasa Indonesia*, 12(1), 68-78. https://doi.org/10.23887/jurnal_bahasa.v12i1.2216
- Shahrul Nazmi Sannusi, Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari & Nasrudin Subhi. (2019). Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja b40 di sekitar Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 101-118. <http://ejournal.ukm.my/mjc/issue/view/1235>
- Alfarisi, M. S., Adi, A., & Astuti, E. S. (2019). A sociolinguistic analysis of taboo words in alpha dog movie. *Journey Journal of English Language and Pedagogy*, 2(2), 146-155. <https://doi.org/10.33503/journey.v2i2.535>
- Nadhifa Indana Zulfa Rahman. (2019). Penggunaan kata tabu di media sosial: Kajian linguistik forensik. *SEMIOTIKA: Jurnal Ilmu Sastra dan Linguistik*, 20(2), 120-128.
- Perlembagaan Persekutuan perkara 10(1)(a). (2023) *Bahagian II: Kebebasan asasi*. <https://www.jpapencen.gov.my/cat289562/published/perkara10-Ma.Html>
- Saidatul Nornis Mahali. (2024). Faktor peralihan bahasa dalam masyarakat Murut di Sabah. *Jurnal Melayu*, 23(1), 18-34.
- Sasa Intan Maharani. (2023). Alih kode dan campur kode dalam komunikasi komunitas pecinta film cinefoxx. *Jurnal Etnolinguist*, 7(1), 67-91. <https://doi.org/10.20473/etno.v7i1.42387>
- Salsabila Rahmania & Aris Munandar. (2021). A sociolinguistic analysis of taboo words in Deadpool 2. *Lexicon*, 8(1), 33-41. <https://doi.org/10.22146/lexicon.v8i1.65980>
- Theresia Ria Anjani Kurniawati & Tofan Dwi Hardjanto. (2019). Taboo words in the TV Series Stranger Things. *Lexicon*, 6(1), 87-97. <https://doi.org/10.22146/lexicon.v6i1.50312>